AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

# فليتا بروني
# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 28 BILANGAN 50 | RABU 14 DISEMBER, 1983. | رابو 9 ربيع الاول 1404 | PERCUMA



Y.A.B. Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz ketika berucap meramikan Pelancaran Minggu Bahasa.

## Dalam mendaulatkan Bahasa Melayu:
# NIATKAN BAGI ASAS HIDUP BERNEGARA

Oleh: Abd Karim HAR

BANDAR SERI BEGAWAN — Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz mengingatkan bahawa apa jua inisiatif di bidang mendaulatkan Bahasa Melayu hendaklah diniatkan semata-mata bagi memenuhi salah satu asas kehidupan bernegara dan bermasyarakat di negara ini sesuai dengan kehendak perlembagaan yang menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi.

Itu bererti, jelas Yang Amat Berhormat lagi, setiap orang yang berikrar di lidah untuk mendukung bahasa rasmi itu berkewajipan mengaku di hati dan menzahirkan dengan perbuatan bahawa semua usaha di bidang kebahasaan hendaklah dilakukan dengan maksud kerana melaksanakan tanggungjawab sebagai anggota masyarakat.

Y.A.B. Pemangku Menteri Besar Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz menyatakan demikian sejurus sebelum merasmikan Kempen Minggu Bahasa anjuran Dewan Perniagaan Tiong Hua Brunei bertempat di Dewan Darussalam, Sekolah Menengah Chung Hwa di sini pada pagi Sabtu lepas.

Kerajaan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, tegas Yang Amat Berhormat lagi, senantiasa mengalu-alukan penglibatan setiap rakyat dan penduduk di negara ini dalam apa jua rancangan termasuklah memelihara kemurnian dan ketenteraman supaya kesejahteraan dan kemakmuran negara akan terus dinikmati oleh segenap lapisan rakyat dan penduduknya.

Seterusnya yang Amat Berhormat menekankan tentang perlunya orang-orang Tiong Hua dan lain-lain puak seumpamanya mengambil berat tentang asimilasi atau penerapan diri, mereka kepada unsur-unsur yang menjadi asas kehidupan bernegara dan bermasyarakat di negara ini.

"Tibalah masanya bagi orang-orang Tiong Hua khasnya dan lain-lain puak yang seumpamanya mengambil kesimpulan bahawa asimilasi atau penerapan diri mereka kepada unsur-unsur yang menjadi asas kehidupan bernegara dan bermasyarakat di negara ini sepatutnyalah mereka fikirkan sedalam-dalamnya dan bersedia tanpa berlengah-lengah untuk menjadikannya sebagai amalan tunggal dalam kehidupan sehari-hari," ujar Yang Amat Berhormat.

Menurut Y.A.B ianya termasuklah mendaulatkan Bahasa Melayu dan sama-sama mengamalkan adat resam dan cara kehidupan sebagai orang-orang Brunei.

Lihat muka 16

## Peraturan baru letak kereta

BANDAR SERI BEGAWAN — Pihak Lembaga Bandaran baru-baru ini telah mengeluarkan peraturan lalu lintas letak kereta bagi memudahkan orang ramai berurusan.

Peraturan tersebut tidaklah menghendaki Pihak Lembaga Bandaran Letak Kereta mengirim mana-mana surat makluman tuntutan bayaran, tetapi atendan letak kereta akan menyelitkan resit tuntutan bayaran tersebut pada bahagian kereta.

Jurucakap Lembaga Bandaran menyatakan, peraturan tersebut dibuat adalah semata-mata bagi menyenangkan pemilik-pemilik kereta untuk menjelaskan pembayaran.

Katanya mengikut peraturan baru ini, para pemilik kereta yang gagal menjelaskan pembayaran dalam tempoh satu minggu dari tarikh maklumannya akan dikenakan bayaran sebanyak $5.00 secharge, dan maksima bayaran secharge ialah sebanyak $50.00.

Seterusnya dalam peraturan tersebut menyebutkan jika mana-mana pemilik kereta yang tidak menjelaskan pembayaran dua minggu dari tarikh makluman tersebut, maka tindakan mahkamah akan diambil.

Dengan adanya peraturan baru tersebut ianya akan memudahkan bahagian letak kereta menerima pembayaran-pembayaran daripada orang ramai, yang mana sebelum ini pihak lembaga telah menghadapi kesulitan untuk menghubungi pemilik-pemilik kereta disebabkan alamat mereka kurang jelas serta masalah pengurusannya.

## Saham perumahan dan bas dibuka

BANDAR SERI BEGAWAN. — Syarikat Kerjasama Pegawai-pegawai Rendah Kerajaan dengan Tanggungan Berhad memaklumkan telah meluluskan 'saham tanah dan perumahan serta saham perkhidmatan bas sekolah'.

Perkara ini telah pun di putuskan dalam mesyuarat agung yang berlangsung pada 21 Ogos lepas.

Kedua cawangan ini adalah dibukakan kepada semua ahli syarikat serta orang ramai. Borang-borang bolehlah didapati dari pengerusi atau setiausaha cawangan dan hendaklah dikembalikan kepada nama-nama berikut:

Awang Haji Sulaiman bin Haji Abdul Wahab, Pengerusi cawangan tanah dan perumahan Bahagian Penerangan; Awang Haji Abu Bakar bin Haji Momin, setiausaha cawangan tanah dan perumahan di Unit Perancang Ekonomi; Awang Momin bin Ahmad, pengerusi cawangan perkhidmatan bas sekolah di Bahagian Penerangan.

Pg Shahbudin bin Pg Ahmad, setiausaha cawangan perkhidmatan bas sekolah di Radio dan televisyen dan Pg Abd Rahman bin Pg Haji Omar Ghani penolong setiausaha perkhidmatan bas sekolah di Pejabat Setiausaha Kerajaan.

Bagi orang ramai yang berminat untuk memasuki kedua cawangan ini hendaklah terlebih dahulu mengisikan borang menjadi ahli Syarikat Kerjasama Pegawai-pegawai Rendah Kerajaan dengan mendapatkan borang terus dari Setiausaha syarikat, Awang Ali Hassan bin Abas.

## Tempat letak kereta ditutup

LEMBAGA Bandaran akan menutup penaruhan kereta di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin di Ibu Negara (Bekas Tapak Balai Polis Lama) mulai jam 5.00 petang pada 29 Disember 1983 hingga 1 Januari, 1984.

Penutupan ini adalah bagi membolehkan Jabatan Lembaga Bandaran menjalankan kerja-kerja menyuci kawasan tersebut kerana pada sebelah malam 31 Disember, 1983 kawasan tersebut akan digunakan sebagai tempat sembahyang berjemaah sempena pengisytiharan Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam.

## Zikir di masjid-masjid mulakan sambutan Maulud

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis zikir yang diadakan di masjid-masjid utama semua daerah sejak seminggu yang lalu telah menandakan bermulanya perayaan sambutan maulud Nabi Muhammad s.a.w di negara ini.

Zikir maulud yang diadakan selama dua belas malam berturut-turut itu telah dirasmikan pembukaannya oleh Awang Haji Salim bin Haji Besar Kadi Daerah Brunei dan Muara di satu majlis yang berlangsung di Masjid Omar Ali Saifuddin di sini minggu lepas. Majlis itu juga telah diadakan di masjid-masjid dan beberapa buah surau di seluruh negara.

Umat Islam di negara ini sekali lagi akan menyambut hari keputeraan junjungan besar itu pada hari Sabtu ini 17 Disember, 1983 serentak di semua daerah dengan mengadakan perhimpunan-perhimpunan dan perarakan di samping mengikuti ucapan-ucapan dari tetamu kehormat dan syarahan-syarahan khas di perhimpunan-perhimpunan tersebut.

Acara kemuncak sambutan ialah di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin di Ibu negara di mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dijangka akan berangkat bercemar Duli ke majlis tersebut.

**MANISNYA IMAN**

**"YA ALLAH! Aku memohonkan kepada-Mu rezeki yang baik, ilmu yang berguna dan amal yang diterima."**
**HADIS Nabi riwayat At-Tabarani.**

## 1 Januari 1984: Negara kita mengambil alih tanggungjawab penuh antarabangsa sebagai sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



# PENGKEBUMIAN JENAZAH DAN KENDURI

## (Sambungan) Siri ke-204

Tersebut dalam Kifayatul Muhtadee Syarhu Sullamil Mubtadi karangan Al-Alamat As-Syeikh Mohd. Noor bin Mohammad bin Ismail Al-Patani yang ada pada tahun 1351 Hijrah rahimahullahu Taala dalam Bahasa Melayu di antaranya :

1. Sunat berhenti sebentar atau seketika pada kubur setelah ditanam mayat, sambil berdoa pada si mati supaya si mati tetap dalam ugama Islam, kerana si mati itu akan ditanya oleh malaikat tentang ugamanya selepas dikebumikan.

2. Sunat dijirus air di atas kuburnya.

3. Sunat disimpan di atas kuburnya itu pelapah tamar atau pelapah kelapa atau pelapah daun kayu yang harum lagi hidup seperti daun pokok selasih atau sebarang daun kayu yang hidup.

Begitu juga tersebut dalam kitab-kitab Arab seperti Al-Minhaj karangan Al-Imam An-Nawawi r.a. seperti yang disebutkan oleh Al-Alamat Pengarang Sabilul Muhtadin dan Kifayatul Muhtadee.

### HUKUM KENDURI KEMATIAN

Berkata Al-Alamat As-Syed Alwi bin Ahmad As-Saqqaf yang meninggal tahun 1335 Hijrah di Mekah dalam Tarsyihul Mustafidin ketika ia membawa ibarat At-Tuhfah dan mengulasnya :

1. Sunat bagi jiran kepada keluarga si mati walaupun mereka bukan dari negeri si mati dan bagi kerabat yang jauh bagi ahli si mati, walaupun mereka datang dari negeri lain, menyediakan makanan yang boleh mengenyangkan ahli si mati untuk sehari semalam, kerana ahli si mati itu diharu oleh kesedihan di atas kematian dan mereka menyuruh bersungguh-sungguh supaya ahli si mati itu makan.

2. Haram menyediakan makanan semata-mata untuk dimakan oleh tukang meraung dan tukang sedih (sebagai upah), kerana memberi makan mereka itu seolah-olah menolong berbuat maksiat, kerana meraung dan menyebut-nyebut kebaikan si mati supaya orang menjadi sedih adalah maksiat dan dosa.

3. Adapun perkara yang biasa dibuat oleh ahli si mati iaitu membuat kenduri makanan dan memanggil orang hadir ke jamuan kenduri itu adalah suatu bida'ah makruh, sebagaimana juga menyahut panggilan kenduri (menghadiri) ahli si mati itu adalah juga makruh.

4. Makruh berhimpun dengan ahli si mati, supaya orang yang datang dapat memberi takziah kepada mereka. Ulama-ulama besar mengatakan hendaklah masing-masing orang bersurai pergi menjalankan kerja-kerja mereka, maka barangsiapa berjumpa ahli si mati, maka ia hendaklah memberikan takziah kepadanya.

5. Setengah-setengah ulama memberi fatwa bahawa sah berbuat wasiat pada memberi makan orang-orang yang datang memberi takziah, dan wasiat memberi makan kepada orang-orang yang memberi takziah itu boleh dan lulus satu pertiga dari harta pusaka si mati. Ulama-ulama tersebut telah membawa berbagai-bagai dalil bagi menguatkan fatwanya dengan membawa kata ulama-ulama besar dalam perkara wasiat seperti memberi makan kepada orang-orang yang memberi takziah itu.

Maka menurut fatwa setengah-setengah ulama ini, maka tiadalah terhenti memberi makan dan menyediakan makanan kepada ahli si mati untuk sehari semalam sahaja, sebagaimana disebutkan pada ceraian (1). Sunat disediakan makanan untuk ahli si mati bukan sehari semalam sahaja, sama ada mereka memberi makan akan orang-orang yang datang memberi takziah atau tiada, bahkan berterusan selagi ahli si mati berhimpun dan masyhgul dengan kesedihan.

Ini dia khilaf (perselisihan ulama) dalam perkara memberi makan akan orang-orang yang datang memberi takziah.

6. Sekarang sudah menjadi kebiasaan bahawa ahli si mati membuat kenduri dan memberi makan kepada orang-orang yang memberi takziah dan orang-orang yang tiada memberi takziah, maka perbuatan ahli si mati memberi makan itu boleh dimasukkan di bawah khilaf dalam perkara nuqut (bantuan) — Kebiasaan kita menghulur bantuan seangkat-angkat hati kepada tuan rumah kerana mengadakan suatu majlis kesukaan — dianggap semacam hutang budi yang disebutkan dalam Bab Al-Iqrad adakah ia (nuqut) itu hibbah (pemberian) atau qirad (hutang) maka barangsiapa menerima nuqut itu daripada orang atau jiran maka dia boleh membalas nuqut orang itu dalam bentuk sama ada wajib dibalas kalau ia dikatakan qirat atau sunat dibalas kalau dikatakan nuqut itu hibbah (pemberian).

Manakala soal pihak ahli si mati memberi makan kepada orang-orang yang memberi nuqut itu dan orang lain, maka tiadalah dapat dimasukkan perkara memberi makan ini dalam khilaf ulama seperti yang tersebut dalam perkara 5 di atas.

Maka perkara (6) ini dibangkitkan oleh Al-Imam Ibnu Hajar dalam At-Tuhfah dan Al-Alamat As-Syed Alwi As-Saqqaf dalam Tersyirul Mustafidin bitausyihi fatil Muin lil Alamat Al-Malbari dan Al-Alamat As-Syeikh Said Baa syinin Al-Hadrami dalam Bushral Karim Ala Matni Bafadlin.

Berkata tuan guru Al-Alamat Al-Imam As-Syeikh Hussin Ibrahim Al-Maghribi, Mufti Mazhab Al-Malikiyah Mekah Al-Mukarramah yang meninggal tahun 1292 Hijrah tatkala ia ditanya tentang pendapat beliau dalam perkara makanan yang dibuat pada hari ketujuh si mati yang dijamukan kepada pembaca-pembaca Al-Quran dan orang ramai di mana orang yang membuat makanan (kenduri) itu tiada tujuan melainkan hanya memohon rahmat bagi si mati dan membuat silaturahim. Setengah orang berkata bahawa membuat makanan seperti itu adalah ditegah dan tiadalah harus dan tiada boleh dimakan makanan itu.

Jawab As-Syeikh Hussin : Bila dibuat makanan itu, kerana mohon rahmat bagi si mati, dan kerana silaturahim dengan tujuan menarik orang dan menggerakkan hati supaya berdoa kepada si mati serta mohon rahmat bagi si mati maka itu suatu tujuan dan qasad (niat) yang baik dalam Islam sebagimana dalam Hadis yang ertinya : Sesungguhnya suatu amal itu hendaklah dengan ada niat, dan ini adalah suatu kaedah yang dipakai dalam perkara yang berhubung dengan perkataan dan perbuatan. Tiadalah pada membuat makanan (kenduri) itu suatu bida'ah, melainkan apabila ia dibuat dengan tujuan mengatakan bahawa membuat makanan (mengadakan kenduri) itu sebagai tuntutan ugama dan syarak, atau mengatakan bahawa dia adalah hak si mati yang mesti ditunaikan oleh ahli si mati, sebagaimana dibuat oleh kebanyakan orang-orang jahil di kalangan orang awam Islam dengan tujuan sedemikian hendaklah ditegah mengadakan kenduri itu.

Berkata Al-Alamat Al-Mawaq : mengenai perkara ketujuh dibuat kerana si mati (jamu makanan) dan datang pembaca-pembaca Quran dan orang ramai pada jemputan kenduri itu, maka barangsiapa tiada mengadakan kenduri tetapi membuat perkara yang lebih baik dari mengadakan makanan itu, maka dia telah membuat perkara baik, dan barangsiapa tiada membuat makanan itu dan tiada membuat sesuatu yang lebih baik dari mengadakan makanan itu, maka ia telah menzalimkan dirinya (tiada berbuat sesuatu kebajikan bagi si mati). Adapun perkara yang dibuat oleh ahli si mati dengan bersusah payah pada mengadakan berbagai-bagai rupa makanan dengan tujuan riak, mengada-ngada, menunjuk-nunjuk dan bermegah-megah maka apa saja perkara yang membawa riak dan mencari nama adalah perbuatan dan kelakuan orang zaman jahil sebelum Islam. Nabi s.a.w. telah bersabda yang bermaksud : "saya dan umat saya jauh dari perkara takalluf (memberatkan diri mengadakan yang tiada termampu pada mengadakannya).

Sunat bagi kerabat-kerabat dan jiran-jiran menghantar makanan kepada ahli si mati, kerana ahli si mati berada dalam keadaan sibuk pada menguruskan si mati, telah diriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. telah bersabda kepada ahli rasullullah s.a.w ketika kedatangan perkhabaran kematian Jaafar bin Abi Talib yang kira-kira bererti : "Buatkan makanan bagi ahli Jaafar yang mati itu, dan hantarkan makanan itu kepada mereka, kerana telah datang kepada mereka perkara yang membuat mereka sibuk." Berbuat begitu ialah bagi tujuan menzahirkan rupa muhibah dan mengambil perhatian di atas ahli si mati. Begitulah yang tersebut dalam kitab Al-Mikyar yang dipetik dari kitab Qurratul aini bifatwa ulama el-Haramain.

### KESIMPULAN

Membuat kenduri kerana menghimpunkan orang untuk tujuan bertakziah adalah makruh, sementara membuat makanan kerana membalas budi baik kerabat dan jiran kepada ahli si mati tidaklah makruh begitu juga kerana silaturahim kepada si mati.

(Bersambung)

WALLAHUAKLAM

# Soal Jawab Sistem Ejaan Baru Siri ke-9

Disusun oleh:
Kamisah Haji Rahmat,
Pegawai Bahasa,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Brunei.

Soalan 10

: Pola keselarasaan huruf vokal mempunyai lapan belas pasangan huruf. Sepuluh pola huruf vokal kekal dan lapan berubah. Bagaimanakah dengan kedudukan pasangan huruf vokal yang lain seperti a-i, a-u, e pepet-i, e pepet-u, i-i, i-u, u-i dan u-u. kenapakah pasangan-pasangan huruf vokal ini tidak dimasukkan dalam pola keselarasan huruf vokal tidak berubah.

Jawab

: Sistem keselarasan Huruf Vokal telah menetapkan hanya ada lapan belas pasangan huruf vokal yang perlu diambil perhatian dalam sistem ejaan baru. Ada sepuluh pola huruf vokal yang kekal dan lapan berubah. Kenapakah kedelapan-delapan pola huruf ini berubah dalam ejaan baru.

Cuba perhatikan pola huruf vokal berubah yang pertama, huruf a bertemu e taling berubah menjadi a-i. Dalam ejaan lama, kita sering bertemu perkataan-perkataan yang menggunakan pola a-i seperti tapis, garis dan pahit; tetapi perkataan-perkataan seumpama ini mempunyai sebutan yang sama seperti perkataan yang berpolakan a-e taling seperti tarek, aleh dan tasek. Maka, ini menunjukkan dalam ejaan lama ada dua bentuk keselarasan huruf vokal (a-e taling dan a-i) tetapi mempunyai sebutan yang sama.

| a-e taling | a-i |
|---|---|
| aleh | tapis |
| tarek | pahit |
| tasek | garis |

Oleh itu, ejaan baru telah menyelaraskan penggunaan huruf vokal seumpama ini. Perkataan-perkataan yang dieja dengan pola a-e taling diubah menjadi a-i. Pola a-e taling diubah menjadi a-i. Pola keselarasan huruf vokal a-i yang dikatakan sudah kekal dalam ejaan lama itu tidak pula dapat dikategorikan bersama-sama sepuluh pola yang tidak berubah kerana ada di antara perkataan-perkataan yang menggunakan pola tersebut tidak pasti akan ejaannya vokal a-e taling atau a-i; dalam lain perkataan tidak ada keseragaman bentuk ejaan. Contohnya, perkataan latih, ada yang mengeja l-a-t-e-h (a-e taling) dan ada juga mengeja l-a-t-i-h (a-i) dalam ejaan lama.

Begitulah seterusnya yang berlaku pada ketujuh-tujuh pola huruf vokal berubah yang lain.

Pola kedua

| a-o | a-u |
|---|---|
| patong | bagus |
| kayoh | jarum |
| taroh | kasut |

Pola ketiga

| e pepet-e taling | e pepet-i |
|---|---|
| petek | pening |
| lebeh | kerlip |
| beneh | petir |

Pola keempat

| e pepet-o | e pepet-u |
|---|---|
| sentoh | senyum |
| gelong | kedekut |
| terok | perut |

Pola kelima

| i-e taling | i-i |
|---|---|
| itek | kikis |
| pileh | iring |
| tindeh | ringgit |

Pola keenam

| i-o | i-u |
|---|---|
| tidor | tikus |
| bingong | rimbun |
| rioh | hirup |

Pola ketujuh

| u-e taling | u-i |
|---|---|
| usek | kuning |
| kueh | musim |
| bueh | runding |

Pola kedelapan

| u-o | u-u |
|---|---|
| untong | putus |
| kukuh | kuyup |
| tumbok | lurus |

Ketidakseragaman penggunaan huruf-huruf vokal dalam ejaan lama ini telah diselaraskan dalam ejaan baru mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dan tidak perlulah lagi kita tertanya-tanya apabila mahu mengeja perkataan, misalnya terik, t-e pepat r-e taling-k atau t-e pepet-r-i-k; pukul (u-o atau u-u), hidup (i-o atau i-u) dan sebagainya.

# BANGGA DIRI SIFAT YANG DIKEJI




**Adapun sifat keji yang kita maksudkan di sini ialah apa yang dinamakan sebagai ujub, iaitu kebanggaan diri, yang dimaksudkan dengan ujub atau kebanggaan diri itu, ialah apabila seseorang itu memandang dirinya besar atau tinggi serta menganggap segala apa yang ia buat adalah betul dan baik.**

MARILAH kita sentiasa bertakwa dan mengingat Allah s.w.t. iaitu dengan mengerjakan segala apa jua yang disuruh-Nya dan menjauhi segala apa jua yang ditegah-Nya.

Sebagai seorang manusia apa jua kedudukannya atau pangkatnya serta apa jua taraf pendidikannya, kadang-kadang ianya terjerumus ke dalam suatu sifat yang keji. Sifat yang boleh membawa kecelakaan ke atas dirinya sendiri. Terjerumusnya seseorang itu kepada melakukan sifat itu, kadang-kadang bukanlah dengan secara sedar atau senghaja, akan tetapi tidak kurang pula ada yang senghaja melakukannya.

### SIFAT KEJI

Sebenarnya sifat keji yang boleh membawa kita kepada kecelakaan itu seringsahaja kita tidak mengambil berat, atau menghiraukannya, sehingga kadang-kadang apabila kita melakukannya, kita menganggap ianya perkara biasa, atau mungkin ianya perkara yang wajar dibuat kerana sesuatu tujuan, akan tetapi pada hakikatnya ianya adalah merupakan sifat yang hina dan keji pada ugama.

Adapun sifat keji yang kita maksudkan di sini ialah apa yang dinamakan sebagai ujub, iaitu kebanggaan diri, yang dimaksudkan dengan ujub dengan kebanggaan diri itu, ialah apabila seseorang itu memandang dirinya besar, atau tinggi, serta menganggap segala apa yang ia buat adalah betul dan baik. Manakala apa yang orang buat itu adalah salah dan tidak betul atau tidak baik, pendeknya orang yang bersifat seperti ini adalah jarang mahu menerima hakikat atau kenyataan apatah lagi untuk menerima buah fikiran dan pendapat orang lain. Akibat dari kebanggaan diri inilah timbul perasaan suka mengaku diri lebih bijak dan pandai. Merasa diri lebih tinggi dan berkuasa dari orang lain dan sentiasa tunduk kepada kehendak hawa nafsu.

### TUNDUK KEPADA HAWA NAFSU

Sebenarnya punca yang menyebabkan seseorang itu bersifat ujub atau bangga diri ialah kelalaian dan tunduk kepada kehendak hawa nafsu sendiri kerana apabila seseorang itu tahu akan diri dan kedudukannya di sisi Allah sebagai makhluk yang lemah, di mana Allah maha berkuasa untuk menarik dan mengambil segala apa-apa yang telah dikurniakan Allah daripada kuasa, ilmu dan sebagainya kepadanya pada bila-bila masa sahaja Allah menghendakinya. Maka sudah tentu ianya tidak akan terlanjur berlaku bangga diri atau ujub itu. Begitu juga kalau ianya mengetahui bahawa hawa nafsu itu adalah merupakan punca kepada maksiat. Maka sudah pasti ianya tidak akan mahu tunduk kepada hawa nafsunya. Kerana adalah jelas bahawa barangsiapa yang suka menurut kehendak hawa nafsunya, nescaya buta matanya dari melihat segala keaipan dan kekurangan dirinya.

Berbalik kepada sifat ujub atau bangga diri yang berpunca dari kelalaian dan tunduk kepada hawa nafsu itu adalah sifat yang membawa kebinasaan bukan sahaja kepada orang lain bahkan kepada dirinya sendiri sebagaimana sabda Nabi s.a.w. yang kira-kira bermaksud : Tiga perkara yang membinasakan. Iaitu sifat ke kiri atau membelit diri, hawa nafsu yang diturunkan dan kebanggaan seseorang dengan dirinya.

### HAPUS KEBAJIKAN

Sabda Nabi lagi yang kira-kira bermaksud : Ujub (membanggakan) diri akan menghapuskan kebajikan sebagaimana api memakan kayu api.

Oleh itu wahai kaum Muslimin, hindarkanlah diri kita daripada sifat yang boleh mendatangkan kecelakaan itu. Dengan banyak banyak mengingat dan berzikir kepada Allah serta sentiasa memerangi hawa nafsu supaya kita tidak tunduk kepadanya. Mudah-mudahan dengan itu akan selamatlah kita dan amal kebajikan yang dilakukan.

# ANGIN SEBAGAI SUATU RAHMAT

Oleh:
Haji Mohd. Noor Lubis

*Bingkisan minggu ini*

KITA tidak dapat menafikan kegunaan dan kemanfaatan yang diawa oleh tiupan atau hembusan angin, sama ada ia bertiup secara 'nature' atau semula jadi atau hasil dari pusingan mesin yang dicipta oleh manusia seperti angin yang keluar dari alat hawa dingin atau kipas angin. Di kala udara sedang panas dengan adanya tiupan angin tersebut kita akan merasa nikmat, segar dan nyaman, inilah yang dinamakan salah satu rahmat yang dibawa oleh angin tersebut.

Kita juga sedia maklum bahawa tiupan angin itu kadang-kadang boleh membawa malapetaka atau kemudaratan. Hal ini dapat kita lihat apabila angin bertiup kencang sehingga terjadi angin ribut, taufan atau angin puting beliung yang mengerikan. Biasanya bila berlaku kejadian seperti itu boleh menjejaskan kehidupan harian di samping banyak mengorbankan harta benda malahan ada yang sampai mengorbankan jiwa.

Bila kita melihat kejadian ngeri dan menyayat hati itu kita merasa takut, dan bukan sedikit yang mengeluh bahkan ada pula yang mencaci dan memaki hamun angin tersebut.

Dalam pandangan Islam angin itu, sama ada yang bertiup secara biasa ataupun bertiup kencang seperti angin ribut adalah suatu hembusan rahmat yang diturunkan oleh Allah s.w.t. yang mana ada kalanya angin tersebut datang sebagai nikmat dan ada kalanya sebagai bala atau siksa.

Walau bagaimanapun, selaku umat Islam kita ditegah mencaci atau memaki angin, sebaliknya kita disuruh berdoa kepada Allah s.w.t. supaya mendapat kebaikan dan rahmat serta berlindung kepada-Nya daripada siksa atau kemudaratan yang dibawa oleh angin tersebut.

Dalam hal ini Rasulullah s.a.w. pernah bersabda dalam satu Hadis Baginda yang diriwayatkan oleh Abu Daud dengan sanad yang sahih daripada Abu Hurairah r.a. yang kira-kira bermaksud : "Bersabda Rasulullah s.a.w. : Angin itu ialah daripada tiupan rahmat yang dikirim oleh Allah Taala, terkadang ianya datang sebagai rahmat dan terkadang pula datang sebagai siksa atau bala. Oleh kerana itu apabila kamu melihat angin janganlah kamu cerca atau maki, mintalah kepada Allah kebaikan angin tersebut dan berlindunglah kepada Allah daripada kejahatan yang dibawanya."

Demikianlah yang dianjurkan Nabi kepada kita apabila melihat angin, terutamanya apabila angin itu bertiup dengan kencang.

# PELUANG-PELUANG PERNIAGAAN BANYAK DIBERIKAN

KAMPUNG MENENGAH TEMBURONG. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa menggalakkan rakyat serta penduduk di negara ini untuk bergiat dalam berbagai-bagai lapangan perniagaan dan perusahaan supaya sekurang-kurangnya dapat menyaingi kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh bangsa-bangsa lain.

Peluang-peluang banyak diberikan dan terpulanglah kepada rakyat serta penduduk untuk mengambil peluang-peluang tersebut.

Ingatan itu telah diberikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdul Aziz Muhammad semasa merasmikan Mesyuarat Agung kali ke-6 Syarikat Kerjasama Kampung Menengah pada Disember lalu bertempat di Balai Ibadat kampung tersebut.

"Bermula dari perniagaan yang kecil-kecil kita akan dapat mengendalikan perniagaan yang besar-besar jika kita benar-benar mahu berusaha," tegas beliau.

Tambah beliau, "dalam apa jua kegiatan, kejujuran dan sifat-sifat tanggungjawab lagi amanah adalah paling penting."

Beliau juga percaya yang kemasukan ramai penduduk menjadi ahli Syarikat Kerjasama Kampung Menengah adalah atas kepercayaan mereka kepada pemimpin-pemimpinnya sekarang yang tidak mementingkan diri sendiri, dan mempunyai kualiti sebagai pemimpin.

"Saya berharap supaya kepercayaan itu akan berterusan demi memajukan serta mengukuhkan syarikat kerjasama ini," kata beliau.

Beliau juga berpendapat sejak tertubuhnya Jabatan Kemajuan Kerjasama, semakin ramai kampung dan mukim telah menubuhkan syarikat-syarikat kerjasama. Ini membuktikan, tambah beliau yang orang-orang Melayu telah mempunyai kesedaran untuk membela nasib bangsa sendiri, serta ingin untuk memperbaiki taraf kehidupan mereka.

## Sukan air AMDB

BERAKAS. — Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei akan mengadakan perlawanan sukan air antara unit-unit dalam pasukan tersebut pada hari Khamis 22 Disember.

Perlawanan tersebut akan diadakan di Pantai Serasa mulai dari jam 10.00 pagi hingga jam 4.30 petang.

Peserta-peserta dari 10 buah unit pasukan AMDB akan mengambil bahagian dalam beberapa acara sukan air.

Unit-unit tersebut ialah, Batalion Pertama, Batalion Kedua, Pusat Latihan, Angkatan Laut, Cawangan Udara, Kompeni Markas Pasukan, Skuadron Kereta Perisai, Skuadron Jurutera Penggempur, Logistik Depoh dan Bengkel Pasukan.

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 14 Disember, 1983 hingga ke hari Selasa 20 Disember, 1983 adalah seperti di bawah ini : —

| Hari Bulan | Zuhar | Asar | Maghrib | Isyak | Imsak | Subuh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 14 Dis | 12.20 | 3.39 | 6.16 | 7.30 | 4.46 | 5.01 | 6.19 |
| 15 Dis | 12.20 | 3.39 | 6.16 | 7.30 | 4.46 | 5.01 | 6.19 |
| 16 Dis | 12.23 | 3.42 | 6.18 | 7.33 | 4.49 | 5.04 | 6.22 |
| 17 Dis | 12.23 | 3.42 | 6.18 | 7.33 | 4.49 | 5.04 | 6.22 |
| 18 Dis | 12.23 | 3.42 | 6.18 | 7.33 | 4.49 | 5.04 | 6.22 |
| 19 Dis | 12.23 | 3.42 | 6.18 | 7.33 | 4.49 | 5.04 | 6.22 |
| 20 Dis | 12.23 | 3.42 | 6.18 | 7.33 | 4.49 | 5.04 | 6.22 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu.

Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei di mulai dari pukul 12.45 minit tengah hari.

# MAKTAB ANTHONY ABELL SAMBUT JUBLI PERAK




YANG Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abd. Aziz memotong pita bagi merasmikan Hari Jubli Perak dan Ibu Bapa Maktab Anthony Abell Seria.

Liputan: Muhaimin HM
Gambar-Gambar: Ak Bakar PHO

SERIA. — Maktab Anthoney Abell Seria telah menyambut perayaan Jubli Perak bagi memperingati tertubuhnya maktab itu sejak tahun 1958 yang lalu.

Majlis tersebut diselajurkan dengan sambutan Hari Ibu Bapa yang mana perasmiannya telah disempurnakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abd. Aziz, Pengawal Kastam dan Eksais, bertempat di dewan maktab itu di sini pada 3 Disember lepas.

Acara pagi itu dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengetua Maktab Anthony Abell Awang Abd Rahman bin Razali dan diikuti dengan ucapan Pemangku Pengarah Pelajaran, Dato Paduka Awang Selamat bin Munap.

Yang Amat Mulia juga dijunjung bagi menyampaikan cenderamata kenang-kenangan kepada bekas pengetua-pengetua maktab itu serta kepada penuntut-penuntut terbaik bagi tahun 1983. Di antara bekas pengetua-pengetua tersebut ialah Awang G.E. Cadogan -Edwards, Awang Mohd Adanan bin Buntar, Awang Suyoi bin Haji Osman dan Awang Janin bin Erih.

Manakala penuntut-penuntut terbaik dalam Tingkatan I ialah Dayang Siti Rafidah binti Buang dan Awang Victor Viamzon. Tingkatan II, Dayang Rogayah bte Bujang dan Awang Serungi bin Sitim; Tingkatan III, Dayang Pang Yet Fung dan Awang Lyndon Viamzon, Tingkatan IV, Dayang Chong Yun Hon dan Awang Raling bin Aloi; Tingkatan V; Dayang Chong Fang Siem dan Awang Yap Fook Fah.

Sementara itu, Dayang Lim Bee Zeny telah terpilih sebagai salah seorang editor yang paling aktif memberi sumbangan untuk majalah AAC 1983, manakala pemenang mencipta majalah kulit depan dan majalah Jubli Perak maktab itu tahun ini ialah Awang Hambali bin Mohammad dan Awang Hussin bin Yaakob.



YANG Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abd. Aziz (atas) melihat salah satu pameran pertukangan kayu di dewan pameran maktab itu. (Bawah) Yang Amat Mulia menyampaikan cenderamata kenang-kenangan kepada salah seorang bekas pengetua maktab itu, Awang G.E. Cadogan-Edwards (1965 - 1976).



YANG Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abd. Aziz (atas) meletakkan batu asas bagi memulakan kerja-kerja 'membangun' bangunan Jubli Perak Makmal Sains AAC. (Bawah) Dayang Siti Rafidah binti Buang merupakan salah seorang pelajar terbaik dalam tingkatan I menerima hadiah yang disampaikan oleh Y.A.M.






# MAKTAB ANTHONY ABELL LAHIRKAN ORANG TERPELAJAR

Oleh: Muhaimin HM
Gambar: Ehsan Muzium Brunei



SIR Anthony Abell, bekas Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei ketika melakukan A.A.C. pada 18 Disember 1958.

NEGARA Brunei Darussalam sejak dua dekad yang lalu mengalami arus pembangunan di dalam berbagai-bagai peringkat yang banyak memerlukan para cerdik-pandai di bidang dan lapangan tertentu.

Penyediaan para cendikiawan dan kaum terpelajar memerlukan perancangan terperinci serta hendaklah melalui satu sistem pendidikan negara yang 'relevan' dengan keperluan dan kehendak negara itu.

Sebagai salah sebuah institusi pendidikan, Maktab Anthony Abell sejak didirikan 25 tahun yang lalu banyak melahirkan orang-orang terpelajar yang sebilangan dari mereka telah memperolehi kejayaan cemerlang di dalam bidang pelajaran hingga ke peringkat yang lebih tinggi. Kejayaan mereka menjadi perangsang dan pendorong utama kepada penuntut-penuntut yang terkemudian di maktab itu.

Sebilangan dari mereka berkesempatan melanjutkan pengajian di pusat-pusat pengajian tinggi di seberang laut, kini ada yang menjawat jawatan-jawatan penting di negara ini, sama ada sebagai nadi penggerak di dalam pentadbiran kerajaan mahupun sektor-sektor swasta.

## SEKOLAH 'GAMIN'

Sejarah awal bermulanya pendidikan sekolah yang menggunakan bahasa pengantar Inggeris ialah pada 2 Disember 1952, dengan keramaian muridnya 22 orang yang terletak di Jalan Sultan, Pekan Kuala Belait.

Sekolah itu yang juga dikenali sebagai 'Sekolah Gamin' mempunyai dua orang guru dari luar negeri iaitu Mr. D.S. Carter dan Mrs. S. Mathews. Tidak lama setelah itu, murid-murid tersebut berpindah ke Seria di tapak bangunan pejabat pos yang didirikan sekarang.

Buat pertama kalinya di awal tahun 1954, sekolah Inggeris mempunyai bangunannya sendiri yang beratap dan berdinding kajang yang pada masa itu terletak di belakang kedai Seria.

Sekolah tersebut mempunyai tiga buah bilik darjah dengan tenaga mengajarnya seramai dua orang, Mr.J.L. Atherton dan Mr.G.S. Watson. Keduanya memainkan peranan penting dalam penubuhan dan perlaksanaan A.A.C.

## BANGUNAN A.A.C.

Setelah menduduki Sekolah Inggeris kajang selama lebih kurang empat tahun, dalam tahun 1958 ianya telah berpindah ke bangunan yang baru yang ada sekarang yang mana pada mulanya diberi nama Sekolah Kerajaan Seria.

Satu peristiwa bersejarah bagi sekolah itu apabila perasmiannya disempurnakan oleh Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei ketika itu, T.Y.T. Sir Anthony Abell di tahun tersebut. Bersempena dengan upacara itu lalu diabadikan nama beliau kepada maktab tersebut dan pengetua pertama Maktab Anthony Abell ialah Mr.M. MacInnes.

Maktab Anthony Abell kini mempunyai seramai lebih 900 orang penuntut serta mempunyai tenaga pengajar seramai 82 orang (sebelah pagi) yang kebanyakannya guru-guru dari luar negeri, India dan Filipina, manakala pegawai-pegawai pelajaran yang terdiri dari anak-anak tempatan hanya 10 orang.

Pertambahan penuntut yang masuk ke maktab itu setiap tahun semakin bertambah dengan itu ianya memerlukan pertambahan bilik-bilik darjah serta tenaga-tenaga pengajar di dalam mata-mata pelajaran sains, matematik dan Bahasa Inggeris. Maktab tersebut mempunyai cawangannya di SPI Seria, SPI Panaga dan SPI Sungai Liang.

## PELAJAR MELAYU

Menurut Guru Kanan I AAC, Awang Bujang bin Masu'ut ketika ditemui baru-baru ini memberitahu, prestasi pelajar-pelajar Melayu di maktab itu mendukacitakan, ini dapat dilihat dari keputusan peperiksaan 'O' level yang semakin merosot sejak tahun 1976 hinggalah 1982.

Awang Bujang berkata salah satu faktor utama yang menyebabkan kegagalan mereka ialah, "Kurang menguasai Bahasa Inggeris dengan baik dan perkara ini telah pun diketahui oleh Jabatan Pelajaran".

Antara punca yang lain tambahnya, sebilangan penuntut-penuntut Melayu tidak mempunyai motivasi, tidak mengambil berat tentang pelajaran, dilalaikan oleh kesenangan serta diresapi oleh pengaruh-pengaruh sekeliling yang kurang sihat dan kurang disiplin terhadap diri sendiri.

Jika kita renung di tahun-tahun 50an, 60an dan awal 70an katanya lagi, motivasi pelajar-pelajar Melayu di bidang pelajaran amatlah menggalakkan dan prestasi mereka terhadap pelajaran sangat-sangatlah dibanggakan.

Bagaimanapun ibu bapa perlulah memainkan peranan penting terhadap pelajaran anak-anak mereka kerana terdapat setengah-setengah ibu bapa yang menyerahkan bulat-bulat kepada guru semata-mata, dengan tidak ada tindakbalas dari pihak penjaga, jelas Awang Bujang.

Awang Bujang menyatakan maktab tersebut pada tahun depan bercadang untuk mengadakan dua sesi persekolahan iaitu pada sebelah pagi dan petang, ini adalah disebabkan kelas-kelas tidak mencukupi yang berpunca ramai penuntut Tingkatan 5 yang 'repeat', bagaimanapun katanya, ini tertakluklah ke atas kebijaksanaan Jabatan Pelajaran untuk menimbangkan usul tersebut.



MAKTAB Anthony Abell yang ada sekarang dan telah menyambut perayaan jubli perak maktab itu baru-baru ini. GAMBAR bawah sebahagian dari murid-murid Prep I dan II Sekolah Inggeris Kerajaan, Seria dari ''Rumah Temburong'' sempena sukan tahunan antara rumah-rumah sekolah itu pada tahun 1956. Ketua rumah, Mr. Rogers Lim dan Mrs. S. Mathews, manakala kaptennya ialah Abd Razak Bungsu dan Leong Yu Cheng.



# RTB Intisari minggu ini



DENGAN gaya yang tersendiri Yasmin Yusoff mencurahkan penuh perasaan sewaktu mendendangkan sebuah lagu Inggeris Flash Dance dalam Konsert Juara.



"YOU Oughta Be In Pictures". Malam ini mereka, Lorna Patterson (kiri) dan Eileen Brennan dapat disaksikan dalam siri PRIVATE BENJAMIN.

## Konsert Juara

BUAT kali pertamanya Bahagian Hiburan Televisyen bersama dengan Unit Siaran Luar RTB (CMCR 2) telah mengadakan persembahan hiburan bertempat di Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar Temburong pada bulan Oktober yang lalu.

Rancangan tersebut ialah Konsert Juara yang membariskan artis-artis tempatan terdiri dari Juara Mutika 82, Dayang Mahani Muhammad, Hj. Irwan Hj. Mohd. Said, Juara Bintang Kecil berturut-turut dari tahun 80 dan 81, dan beberapa orang lagi penyanyi tanahair yang turut diundang.

Di samping artis-artis tempatan turut juga diundang dalam Konsert Juara itu ialah Yasmin Yusoff penyanyi dan artis piring hitam yang tak asing di Malaysia dan Singapura juga di Brunei Darussalam.

Konsert Juara akan dapat Awda tonton di peti televisyen pada hari Ahad 18 Disember, 1983 kira-kira jam 8.45 malam.

## Pendaftaran dibuka

PENDAFTARAN bagi mengikuti Kelas Perdagangan, Trengkas dan Menaip bagi tahun 1984 di Sekolah Melayu Anggerek Desa, Berakas, Brunei telah dimulakan pendaftarannya mulai hari ini (5 Disember, 1983) sehingga pertengahan Januari 1984 (15 Januari, 1984).

Pelajar-pelajar yang berminat untuk mengikuti kelas tersebut bolehlah mendaftarkan diri kepada Penyelia Sekolah Melayu Anggerek Desa, Berakas, Brunei pada tiap-tiap hari persekolahan dibuka mulai jam 8.00 pagi sehingga 11.00 pagi, mahupun kepada guru-guru Kelas Perdagangan di Sekolah tersebut.

## Radio Minggu Ini: MUSIM ACARA MAULUD

MENJELANG 12 Rabiulawal tahun Hijrah 1404, di kala rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sedang merangka acara-acara sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. pada peringkat Negara dan daerah. Radio Brunei telah mula menyiarkan rancangan-rancangan yang sesuai ke arah menjelang perayaan besar umat Islam itu. Tiga buah rancangan yang berunsur sejarah Rasulullah dan puji-pujian ke atas Nabi Besar itu telah disiarkan di radio setiap hari sejak satu haribulan Rabiulawal yang lalu. Kesemua rancangan-rancangan tersebut telah dapat diterbitkan dan disiarkan dengan adanya inisiatif bersama dari Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Radio Brunei. Rancangan-ran c a n g a n khas yang telah mengisi ruangan siaran Radio Brunei itu ialah Zikir Maulud, berzanji dan ceramah Maulud.



SIRI baru yang berkaitan dengan tajuk-tajuk akhbar dunia hari ini mengenai "missiles" bermula Ahad depan kira-kira jam 11.45 malam. William Davane (atas) berlakon sebagai mendiang President John F. Kennedy dalam rancangan MISSILES OF OCTOBER.

Dapat diperhitungkan bahawa langkah pendahuluan ke arah sambutan perayaan pada 12 Rabiulawal itu memberikan sesuatu yang sangat sesuai dalam rangka sambutan Maulud di seluruh negara ini kerana dari rancangan-rancangan yang disiarkan itu kita umat Islam di negara ini diberi pengertian tentang apa yang kita sambut, siapa sebenarnya yang diberi sambutan raksaksa itu, dan bagaimana perjuangannya dalam menyebar dan menegakkan Ugama Allah untuk keselamatan manusia seluruhnya di dunia dan akhirat. Itulah dia Junjungan kita Nabi Muhammad Pesuruh Allah yang membawa rahmat kepada sekalian alam.

Dalam menyambut perayaan Maulud Nabi itu, Radio Brunei setiap tahun mengatur siaran - siaran khas dan membuat rakaman-rakaman dalam acara-acara sambutan di setiap daerah. Seperti biasa di tahun-tahun lalu, Bahagian Melayu Radio Brunei, menyiarkan terus-menerus ke udara perhimpunan raksaksa di empat buah daerah, Bandar Seri Begawan, Tutong, Belait dan Temburong.

Radio Brunei dalam usahanya mengatur acara-acara siaran sentiasa memikirkan apa yang dikatakan identiti keBruneian itu. Ini tidak dilupakan.

Dalam hubungannya dengan penyiaran acara-acara sambutan Maulud sudah dapat dipastikan orang bahawa Islam adalah ugama rasmi negara dan identiti keBruneian itu tidak lagi diketengahkan secara samar-samar kerana dengan gema Selawat dan Salam dalam acara-acara sambutan itu sudah dapat dipastikan orang akan identiti keBruneian tadi.

Dengan adanya jentera penyiaran itu, Kerajaan dan rakyat sama-sama dapat berusaha ke arah mempopularkan identitinya susah sekali dikenali dunia. Dan adalah diharapkan bahawa usaha ke arah ini akan dipergiatkan lagi demi kepentingan bangsa dan Negara Brunei Darussalam. Dan usaha ini hanya akan berjaya dengan adanya kemampuan rakyat dalam memberikan sumbangan masing-masing yang mana jentera penyiaran sentiasa menyambut tenaga-tenaga yang dinamik.

Akhirnya sekali lagi kita bertemu dengan musim Maulud di tahun Hijrah 1404, semoga di musim ini jiwa kita akan menikmati buah-buah fikiran yang berguguran, bukan bunga-bunga yang berguguran, ketika kita sama-sama menunggu debar demi debar menjelang hari kebangsaan nanti.

## *Sandiwara Radio: KASIH CIKGU* Oleh: A Mohamad Timbang

PENULIS A. Mohammad Timbang, Brunei telah memilih alam perguruan sebagai bahan untuk tulisannya yang berjudul KASIH CIKGU sebagai mengisikan ruangan Sandiwara Radio Minggu Ini.

Watak Adanan, seorang pendidik, dengan tiba-tiba saja berserabut fikirannya apabila menerima surat pertukaran untuk bertugas ke sekolah menengah, sedangkan selama ini ia hanya merupakan seorang pendidik di sekolah rendah. Ia sendiri meragui kebolehannya sama ada ia boleh melaksanakan tugas itu atau sebaliknya.

Walaupun begitu ia menyedari apa yang penting ialah tugas. Biarpun pada mulanya ia terpaksa menghadapi murid-murid yang nakal dalam tingkatan lima, ia tetap tabah dan berusaha sedaya upayanya untuk menarik minat pelajar-pelajar tersebut supaya mengubah sikap mereka menjadi pelajar yang cintakan pelajaran.

Di antara murid-murid yang mendapat kesan dari langkah yang diambil oleh Adanan ialah Juita dan Salawati yang dulunya selalu ponteng dan melanggar peraturan persekolahan. Untuk mencapai tujuannya, Adanan tidak hanya menumpukan perhatiannya terhadap pelajaran murid-muridnya pada hari-hari sekolah, malah juga di hari-hari percutian. Dan ini pula telah menimbulkan masalah dan pertelingkahan di dalam rumahtangganya tambahan lagi isterinya Anita tidak faham akan tujuan dan hasrat suci Adanan sebenarnya.

Dengan semangatnya itu, berjayakah Adanan membimbing pelajar-pelajarnya hingga ke tahap yang dihasratkannya? Mungkinkah sikap negatif isteriya itu akan menjadi batu penghalang terhadap usahanya? Untuk mendapatkan kesimpulannya, para pendengar adalah dipelawa untuk mengikuti siarannya pada hari Ahad 18 Disember, 1983 jam 10.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan untuk siaran oleh Saloma Mahmud.

## Asas Hidup Bernegara

Dari muka 1

Berhubung dengan kempen 'Minggu Bahasa' ini, Yang Amat Berhormat mengharapkan ianya akan dicontohi oleh lain-lain puak keturunan yang ada di negara ini.

Terdahulu dari itu Pengerusi Dewan Perniagaan Tiong Hua Brunei, Awang Lim Eng Ming telah juga menyampaikan ucapan alu-aluannya yang antara lain telah menerangkan tujuan kempen itu diadakan.

Di antara tetamu yang hadir di majlis itu ialah Y.A.M Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Umar, bekas Speaker Majlis Mesyuarat Negara; Y.D.M Pehin-Pehin; pegawai-pegawai kanan kerajaan dan para pegawai perwakilan negara asing.

Kempen 'Minggu Bahasa' ini akan berakhir pada 17 Disember depan.

## Tadika Arab pertama

UNTUK makluman para ibu bapa bahawa Tadika Arab Pertama Hasbi Ya Nurul Iman bertempat di LB 221 Kampung Tumasek Jalan Istana Darul Hana Brunei sedang menerima murid-murid untuk belajar kelas tadika (Tadika 1) bagi tahun 1984. Mula belajar dijangka dalam minggu kedua bulan Januari 1984. Borang-borang boleh didapati dari penyelia sekolah Dayang Zamzami bte Ali dialamat yang sama atau telefon 23402. Bahasa penghantar ialah Melayu, Arab dan Inggeris.



KELIHATAN Y.A.M. Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin sedang melakukan Majlis Menapung Tawar ke atas pesawat Boeing 737 yang telah diubahsuai dan akan memulakan perkhidmatannya.

## RBA ditepung tawar

BERAKAS. — Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas, Peguam Negara, yang juga selaku salah seorang ahli lembaga RBA telah berkenan melakukan majlis 'Menepung tawar' bagi pesawat Boeing 737 pada hari Rabu lepas.

Majlis tersebut berlangsung di hanger RBA Berakas, bersempena dengan selesainya kerja-kerja pemeliharaan sebelum menjalankan perkhidmatannya semula.

Kerja-kerja pemeliharaan tersebut termasuklah pengubahan warna cat semula dengan warna syarikat Penerbangan Diraja Brunei dan dikendalikan oleh bahagian kejuruteraan serta dibantu oleh jurutera-jurutera pemeliharaan dari Hong Kong.

Sebelumnya, Boeing 737 tersebut telah disewakan kepada Syarikat Penerbangan Kebangsaan Sri-Lanka (AIR LANKA) selama 3½ tahun, dan tiba di negara ini pada akhir bulan Oktober yang lalu.

Dengan adanya pesawat tersebut, ianya akan membolehkan pihak Diraja Brunei mengadakan lebih banyak lagi penerbangan.

Majlis tersebut telah dihadiri oleh Pegawai-pegawai dan Kakitangan Syarikat Diraja Brunei, dan bacaan doa selamat telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Abd Wahid bin Awang Besar.

# Pertandingan di sekolah-sekolah sikap guru-guru dikesali

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penguasa Pelajaran Menengah, Dayang Hajjah Azizah bte Dato Paduka Awang Haji Abdullah menyatakan rasa kesalnya di atas sikap setengah guru-guru di dalam sesebuah sekolah sekolah seringkali membimbing dan membantu sepenuhnya dalam menyediakan bahan-bahan atau ulasan-ulasan dalam satu-satu pertandingan kepada penuntut-penuntutnya.

"Ini adalah semata-mata bagi mempastikan supaya sekolah mereka akan mendapat kemenangan, tetapi sebaliknya perkara ini adalah satu kesilapan dan perbuatan sedemikian ini adalah sangat-sangat tidak digalakkan bahkan mendukacitakan", tegasnya.

Apa yang sepatutnya dilakukan, jelas beliau, guru-guru hanya diperlukan membimbing dan penuntut-penuntut itu sendirilah yang patut menyediakan apa-apa yang perlu bagi satu-satu pertandingan.

Dayang Hajjah Azizah menyatakan demikian ketika berucap bagi merasmikan Pertandingan Bahasa Senegeri (bahasa Melayu) bagi Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab kali ke-13 yang dianjurkan oleh Jabatan Pelajaran Brunei yang berlangsung di Dewan Sekolah Tinggi Perampuan Raja Isteri di sini pada hari Khamis lepas.

Menurutnya, memang tidak semua penuntut-penuntut yang boleh menyediakan atau megenegahkan dengan sendirinya ulasan-ulasan yang diperlukan, apatah lagi bediri dikhalayak ramai dan melafazkan hujah-hujah dengan sempurna.

Bagi mengatasi masalah ini, beliau mencadangkan supaya guru-guru mencuba mengadakan pertandingan antara darjah-darjah sebagai persediaan mencari penuntut-penuntut yang boleh diketengahkan untuk mewakili sekolah-sekolah yang berkenaan.

Peraduan itu telah dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu Bahagian menengah Atas dan Menengah Bawah. Bahagian Menengah Atas telah diwakili oleh Sekolah Menengah Sungai Kebun dari Bandar Seri Begawan bertemu dengan Maktab Anthony Abell Seria.

Keputusan Sekolah Menengah Sungai Kebun telah menewaskan Maktab Anthony Abell dengan memperolehi 192 mata. Tajuk perbahasaan mereka ialah 'Keruntuhan moral belia-belia kita berpunca daripada kelalaian dan kecuaian ibu-bapa dan bukannya daripada unsur-unsur kemajuan moden'.

Sementara bahagian Menengah Bawah, Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Temburong bertemu dengan Maktab Anthony Abell, Seria. Yang mana akhirnya Sekolah Menengah Sultan Hassan telah mengalahkan Maktab Anthony Abell, Seria dengan memperolehi 205 mata.

Tajuk perbahasan bahagian ini ialah, 'Kegiatan-kegiatan luar darjah itu lebih banyak mendatangkan kebaikan daripada keburukan'.

Hadiah-hadiah kepada para pemenang dipertandingan itu telah disampaikan oleh Penguasa pelajaran Menengah, Dayang Hajjah Azizah. Di samping itu cenderamata kepada tetamu kehormat itu juga telah disampaikan oleh Pengerusi Pertandingan Pengiran Hajjah Hariani. — ZHS.

## Bomba terus latih penduduk

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Bomba akan meneruskan lagi latihan Skim Mencegah Kebakaran bagi penduduk-penduduk di beberapa buah kampung di Daerah Tutong.

Pada 9 hingga 11 Disember 1983 Pasukan Bomba tersebut akan berada di Kampung Bukit Panggal Tutong, Di mana seramai kira-kira 34 orang perserta lelaki akan menyertai latihan itu.

Dalam kumpulan kedua di kampung yang sama seramai 34 orang wanita lagi akan menyertai latihan skim itu yang akan berlangsung pada 30 Disember 1983. Kedua-dua kumpulan itu akan membuat latihan di Sekolah Melayu Bukit Panggal, Tutong.

Seterusnya pada 18 hingga 20 Disember Pasukan Bomba akan berada di Kampung Panabai, Kuala Tutong. Seramai 37 orang penduduk-penduduk kampung tersebut akan mengikuti Kursus Skim mencegah kebakaran itu.

Pengawal Pasukan bomba juga mengumumkan kepada penduduk-penduduk kampung tersebut yang telah mendaftarkan nama-nama mereka supaya dapat berkumpul di Surau Kuala Tutong pada tarikh dan masa yang telah ditentukan.

Sementara pada 23 hingga 25 Disember 1983 pasukan itu seterusnya akan berada di Kampung Sengkarai bagi melatih kira-kira seramai 30 orang penduduk-penduduk kampung itu dalam skim latihan mencegah kebakaran.

Kursus itu akan diadakan di Balai Raya Kampung Sengkarai antara jam 8.30 hingga 11.30 dan pukul 4.00 hingga 7.00 malam.

## Peperiksaan The Royal School of Music

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persediaan-persediaan kini sedang dibuat bagi mengadakan Peperiksaan The Royal School of Music iaitu peperiksaan-peperiksaan teori di Negara Brunei Drussalam yang akan diadakan dalam bulan Mac 1984.

Borang-borang permohonan sekarang boleh diperolehi dari Lembaga Peperiksaan, Jabatan Pelajaran, Brunei.

Bayaran-bayaran peperiksaan hendaklah dibayar melalui cek atau bankdraft (mata wang Sterling) dan hendaklah dibayar terus kepada The School of Music, London dan bukan kepada Lembaga Peperiksaan Brunei.

Borang-borang permohonan hendaklah dihantar tidak lewat dari 3 Januari, 1984. Permohonan-permohonan yang lewat dari tarikh tersebut tidak akan dilayan.

## Kejohanan Olahraga Terbuka 1984

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kejohanan Olahraga Terbuka 1984 akan diadakan selama dua hari iaitu pada 13 dan 15 Januari depan.

Kejohanan tersebut dianjurkan oleh Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan dengan Kerjasama Persatuan Olahraga Amatur Negara Brunei.

Ianya dianjurkan sebagai salah satu langkah persediaan menghadapi sukan merdeka yang akan diadakan dalam bulan september 1984, dan sukan SEA dalam tahun 1985 serta sukan-sukan yang bertaraf antarabangsa.

Borang-borang penyertaan boleh didapati daripada Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan di Bandar Seri Begawan serta cawangan-cawangannya di Daerah Tutong dan Belait dan terbuka kepada ahli-ahli sukan olahraga diseluruh negara secara berpasukan dan perseorangan.

Setiap penyertaan hendaklah dihantar tidak lewat pada 31 Disember jam 2.00 petang.



AWANG Tanjong bin Tuah salah seorang kakitangan Jerudong Park yang telah mengikuti Latihan Skim Mencegah Kebakaran baru-baru ini, kelihatan menerima sijil yang telah disampaikan oleh Y.A.M. Pengiran Senggamara Diraja Kolonel Pengiran Haji Ibnu.

## TAYANGAN FILEM PERCUMA

**RANCANGAN Tayangan Filem Percuma Muzium Brunei akan menayangkan filem — BELLAMY ON BOTANY, — What is Vegetation? pada tarikh-tarikh berikut:—**

**15 Disember 1983, 18 Disember 1983. Waktu-waktu tayang ialah pada jam 10.00 pagi dan 2.00 petang.**

***Kita bersyukur dan berbangga menyambut kemerdekaan dengan tekad dan harapan meneruskan pencapaian kemajuan***

DITERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIAUSAHA KERAJAAN DAN DICETAK OLEH JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN BRUNEI.